

# Kemunculan Ilmuan Islam

1

## Jabir bin Hayyan (Geber)

- Tokoh sains dan kimia.
- Menghasilkan 80 karya tentang perubatan dan kimia.
- Himpunan hasil penulisan dikenali sebagai Korpus Jabir.
- Karyanya banyak diterjemahkan ke dalam bahasa Latin.



2

## Ibn Sina (Avicenna)

- Tokoh perubatan dan ahli falsafah.
- Menghasilkan buku *al-Qanun fi al-Tib*.
- Hasil karyanya telah mempengaruhi ahli falsafah Barat, iaitu Albert the Great.



3

## Al-Kindi

- Ahli falsafah.
- Menghasilkan lebih 270 karya dalam bidang logik, muzik dan perubatan.
- Idea beliau telah mempengaruhi pengkaji Eropah seperti Roger Bacon dan Descartes.



4

## Al-Battani (Albategnius)

- Tokoh astronomi dan falak.
- Memperkenalkan asas ilmu trigonometri, menghasilkan buku astronomi dan mencipta alat ukuran masa.



5

## Al-Biruni


- Tokoh geografi.
- Mengkaji bidang kartografi (peta) dan geografi.
- Pelayar Eropah menggunakan peta hasil karya beliau.



6

## Al-Khawarizmi

- Tokoh matematik.
- Mengasaskan ilmu algebra.
- Menulis kitab *Hisab al-Jabr wa al Muqabalah* yang diterjemahkan dalam pelbagai bahasa.
- Gerald of Cremona telah menterjemahkannya dalam bahasa Latin dan menjadi teks asas di universiti di Barat.



7

## Ibn Battuta

- Tokoh pelayaran.
- Pernah belayar sampai ke India dan Alam Melayu.
- Hasil penulisan beliau menjadi rujukan pelayar lain.

